



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA 2024 PERINGKAT NEGERI MELAKA KOMITMEN MOSTI DALAM MEMBUDAYAKAN STI DALAM KALANGAN ANAK NEGERI MELAKA

ALOR GAJAH, 29 Oktober 2024 – Penganjuran Karnival Minggu Sains Negara 2024 diteruskan pada tahun ini dengan penganjuran **Karnival Minggu Sains Negara 2024 Peringkat Negeri Melaka** yang merupakan karnival keenam di peringkat negeri bagi tahun 2024 setelah pelaksanaannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Kelantan, Negeri Pulau Pinang, Negeri Perak dan Negeri Perlis.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang, Belanjawan 2025 memberi penekanan besar kepada kepentingan sains, teknologi, dan inovasi (STI) dalam memacu masa depan negara. Program seperti Malaysia Techlympics dan inisiatif STEM yang diperkasakan melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan akan membina asas yang kukuh untuk melahirkan generasi muda berkemahiran tinggi. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited untuk memastikan bakat tempatan berkembang dengan sokongan dana R&D dan platform inovasi, agar Malaysia mampu menjadi hab teknologi serantau dan menerajui pembangunan ekonomi berdasarkan ilmu menjelang 2030.

Dalam ucapan aspirasi yang telah disampaikan pada majlis yang turut dihadiri YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, beliau turut memaklumkan bahawa selaku Kementerian yang meneraju kemajuan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di Negara ini, antara inisiatif utama MOSTI untuk menyemarak serta mempergiatkan aktiviti pembudayaan STI dalam kalangan masyarakat khususnya kepada golongan pelajar dan belia adalah melalui aktiviti pembelajaran secara bukan formal dan di luar bilik darjah.

Penganjuran karnival selama dua (2) hari ini menyasarkan kehadiran seramai 25,000 orang pengunjung yang terdiri daripada pelajar-pelajar prasekolah, sekolah rendah dan menengah, belia, guru-guru serta ibubapa dari seluruh Negeri Melaka. MOSTI yakin bakat-bakat ini akan memantapkan kecenderungan mereka terhadap sains dan teknologi dan bakal menjadi saintis yang tersohor suatu hari nanti.

Oleh yang demikian, seluruh rakyat Malaysia dijemput untuk bersama-sama memeriahkan Karnival Minggu Sains Negara 2024 yang dianjurkan serta mengikuti pelbagai aktiviti dan pertandingan berteraskan STI yang telah disediakan secara dalam talian di platform Minggu Sains Negara 2024 menerusi laman sesawang minggusainsnegara.mosti.gov.my

TAMAT

Disediakan oleh,

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

29 OKTOBER 2024